

**Terma dan Syarat bagi Hong Leong Deposit Tetap-i (HLFD-i) – Perkhidmatan Kewangan Peribadi (PFS-i) & Perbankan Korporat Perniagaan (BCB-i)**

Terma dan Syarat Hong Leong Deposit Tetap-i hendaklah dibaca secara keseluruhan bersama dengan Terma & Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam serta terma dan syarat berkaitan lain yang boleh dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu, serta kaedah dan peraturan lain yang mengikat HLISB.

Terma dan Syarat ini juga boleh digunakan untuk Deposit Tetap-i Atas Talian (eFD-i) di mana ia merupakan akaun deposit tetap atau berjangka yang membolehkan pembukaan, peletakan dan pengeluaran akaun yang dilaksanakan secara atas talian melalui Perkhidmatan Perbankan Hong Leong Digital (“Hong Leong “Connect”) hanya untuk PFS-i sahaja.

**1. Takrif & Tafsiran**

**1.1 Takrif**

Dalam Terma & Syarat ini, terma dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai maksud yang ditetapkan padanya melainkan jika konteks menghendaki sebaliknya:-

**“Ejen”** bermaksud HLISB akan dilantik oleh Pelanggan untuk melakukan Perdagangan Komoditi bagi pihak Pelanggan di bawah prinsip Syariah Wakalah (Agen) dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Tawarruq selaras dengan terma-terma di sini.

**“Komoditi”** bermaksud barang atau aset yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah HLISB. Jenis komoditi yang boleh dibeli adalah mengikut budi bicara penuh HLISB sebagai ejen untuk Pelanggan pada harga yang dipersetujui.

**“Platform Perdagangan Komoditi”** adalah platform perdagangan komoditi yang membolehkan transaksi Tawarruq dan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah HLISB.

**“E-mel yang Ditetapkan”** bermaksud alamat e-mel terakhir Pelanggan di dalam rekod HLB/ HLISB dan / atau seperti yang diperintahkan atau ditentukan oleh Pelanggan untuk tujuan Kemudahan e-Penyata.

**“Kemudahan e-Penyata”** bermaksud perkhidmatan di mana HLISB akan, atas permintaan Pelanggan, menghantar dan/atau menyediakan penyata akaun dan/atau rekod transaksi, nota makluman dan dokumen lain (“Dokumen”) dan/atau invois cukai kepada Pelanggan melalui salah satu atau semua kaedah berikut:

- (a) penghantaran ke E-mel yang Ditetapkan;
- (b) menyediakan semua Dokumen di HL Connect; dan / atau
- (c) sebarang media elektronik lain yang ditetapkan oleh HLISB dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

**“HL Connect”** bermaksud perkhidmatan perbankan internet dan perkhidmatan aplikasi perbankan mudah alih yang disediakan oleh HLISB

**“Murabahah”** merujuk kepada penjualan dan pembelian komoditi di mana kos perolehan/pembelian dan margin didedahkan kepada pembeli

**“Harga Jualan”** bermaksud jumlah yang perlu dibayar oleh HLISB untuk memperoleh Komoditi daripada Pelanggan yang terdiri daripada harga Komoditi dan keuntungan.

**“Pembekal”** bermaksud pedagang komoditi dan/atau pembekal yang berdaftar dengan



pertukaran yang berkenaan dan/atau mana-mana pihak yang boleh diterima oleh HLISB.

**"Tawarruq atau juga dikenal sebagai "Murabahah (melalui susunan Tawarruq)"** merujuk pada pelbagai transaksi jual beli. Mekanik yang terlibat:

- i) HLISB bertindak sebagai Ejen membeli Komoditi bagi pihak Pelanggan selepas menerima wang dari Pelanggan.
- ii) HLISB selepas itu sebagai Ejen kepada Pelanggan menjual Komoditi kepada HLISB dengan Harga Jualan berdasarkan Murabahah yang akan dibayar kepada Pelanggan setelah HLFD-i matang.
- iii) HLISB selepas itu menjual Komoditi kepada pihak ketiga secara tunai serta-merta

**"Hari Dagangan"** bermaksud hari urus niaga Murabahah Komoditi dijalankan, dari hari Isnin hingga Jumaat kecuali cuti umum yang diwartakan di Kuala Lumpur.

**"Wakalah"** merujuk pada kontrak di mana pihak (Utama/Pelanggan) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (Wakil/Bank) untuk melakukan tugas tertentu dalam hal-hal yang mungkin didedikasikan, baik secara sukarela atau dikenakan yuran.

## 2. Akaun Hong Leong Deposit Tetap-i (HLFD-i)

- 2.1 Akaun ini ialah akaun deposit tetap atau akaun berjangka berdasarkan prinsip Syariah Murabahah (melalui penyusunan Tawarruq).
- 2.2 Sebarang peletakan yang dibuat di bawah HLFD-i hendaklah dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan jumlah minimum yang ditetapkan bagi tempoh peletakan ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu.
- 2.3 Peletakan deposit hendaklah berkuat kuasa pada tarikh peletakan deposit dilaksanakan.
- 2.4 Butiran peletakan deposit akan dicetak pada slip deposit sejurus peletakan deposit dilaksanakan.
- 2.5 Bagi Pelanggan PFS-i, makluman peletakan/pembaharuan fizikal tidak akan dihantar kepada Pelanggan. Makluman peletakan/pembaharuan fizikal boleh didapati di mana-mana cawangan HLISB atau HLB jika ada permintaan dibuat atau dengan cara yang ditentukan oleh HLISB.
- 2.6 Bagi Pelanggan BCB-i, makluman peletakan/ pembaharuan yang mengandungi butiran tentang peletakan deposit akan dihantar kepada Pelanggan pada Hari Dagangan yang berikutnya.
- 2.7 Penyata akaun FD-i akan diberikan secara bulanan dan/atau suku tahun atau sebarang jangka masa yang lain dan dikeluarkan secara elektronik atau dengan cara yang ditentukan oleh HLISB. Pelanggan hendaklah memeriksa semua butiran dalam penyata akaun dan melaporkan apa-apa kesilapan atau pencanggahan yang terdapat dalam penyata akaun kepada HLISB dengan segera. Sekiranya Pelanggan tidak melaporkannya dalam tempoh empat belas (14) hari (atau tempoh lain yang ditetapkan oleh HLISB) selepas penerimaan penyata, bantahan terhadap sebarang entri yang dinyatakan hingga tarikh entri terakhir di penyata akaun, penyata akaun akan dianggap diterima sebagai betul dan HLISB dibebaskan dari semua liabiliti.
- 2.8 Pelanggan dikehendaki mendaftar untuk Kemudahan e-Penyata melalui HL Connect atau di mana-mana cawangan HLB/HLISB untuk menerima e-Penyata.

- 2.9 Tempoh deposit hendaklah antara satu (1) bulan hingga enam puluh (60) bulan sebagaimana yang dipilih oleh Pelanggan dan ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa dengan memberikan notis tujuh (7) hari terdahulu. Penerimaan dan/atau pembaharuan peletakan tersebut, tempoh dan kadar yang diberi untuk HLFD-i adalah mengikut budi bicara mutlak HLISB sepenuhnya. Apabila apa-apa cek didepositkan untuk peletakan, dan apabila peletakan atau makluman pembaharuan dikeluarkan kepada Pelanggan, ia hendaklah tertakluk kepada penunaian cek tersebut. Akaun HLFD-i tidak boleh diserah hak, dipindahkan, disandarkan atau dicagarkan melainkan jika kebenaran bertulis diberikan oleh HLISB atau melainkan diperlukan sebagai jaminan pembiayaan oleh HLISB.
- 2.10 Pelanggan meletakkan deposit minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) untuk HLFD-i tempoh satu (1) bulan atau Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) untuk HLFD-i tempoh dua (2) bulan atau lebih.
- 2.11 Kadar keuntungan HLFD-i akan ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa. Kadar keuntungan boleh didapati di cawangan HLISB atau HLB atau boleh diakses melalui laman web HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my). Sebarang perubahan kadar keuntungan, perubahan tersebut dipamerkan di cawangan HLISB atau HLB atau laman web HLISB atau kaedah lain yang dianggap sesuai oleh HLISB dan ia hanya terpakai untuk peletakan baharu.
- 2.12 Berkuatkuasa pada 12 Jun 2021 (“Tarikh Berkuatkuasa”), tiada lagi pengkreditan keuntungan secara interim iaitu setiap bulan atau setiap enam bulan
- Untuk semua HLFD-i yang baru, keuntungan akan:
    - (a) dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i atau Simpanan-i di bawah nama dan syarat tandatangan yang sama dengan HLFD-i hanya pada tarikh matang HLFD-i tersebut; atau
    - (b) ditambah pada amaun pokok HLFD-ipada tarikh matang, sebagaimana yang dipilih oleh Pelanggan semasa peletakan HLFD-i.
  - Untuk HLFD-i yang dibuka sebelum Tarikh Berkuatkuasa, keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i atau Simpanan-i pada setiap bulan atau enam bulan hingga akhir tempoh HLFD-i tersebut.\*\* Sekiranya HLFD-i diperbaharui, sama ada secara manual atau secara automatik pada tarikh matang, Peraturan Baharu akan terpakai.

(\*\*Sekiranya HLFD-i dikeluarkan sepenuhnya atau sebelum tempoh matang masing-masing atau tempoh minima seperti yang ditentukan oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalender, HLISB berhak untuk menolak dari atau mendebit Akaun HLFD-i Pelanggan bagi semua keuntungan bulanan atau enam bulanan termasuk tetapi tidak terhad kepada semua keuntungan yang dibayar ke atas sebahagian pengeluaran awal.)

*Ilustrasi:*

*HLFD-i yang diletakkan sebelum Tarikh Berkuatkuasa untuk tempoh 12 bulan, matang pada 31 Ogos 2021, akan menikmati pengkreditan keuntungan setiap bulan. Setelah matang, HLFD-ii tersebut akan diperbaharui selama 12 bulan lagi. Keuntungan diperolehi dari HLFD-i yang diperbaharui ini hanya akan dibayar pada akhir tempoh 12 bulan iaitu pada 31 Ogos 2022.*

- 2.13 Urus niaga Komoditi Murabahah hendaklah dijalankan pada Hari Dagangan.
- 2.14 HLFD-i membenarkan pengeluaran sebahagian pada minimum RM3,000 dan dalam gandaan RM1,000 selepas itu, tertakluk kepada baki minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) bagi tempoh 1 bulan, atau Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) bagi tempoh 2 bulan ke atas hendaklan dikekalkan dalam HLFD-i pada setiap masa atau apa-apa jumlah lain yang ditetapkan oleh HLISB pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa dengan memberikan

notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.

- 2.15 Tidak ada keuntungan akan dibayar ke atas pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang HLFD-i, tanpa mengira jumlah bulan yang lengkap pada masa pengeluaran sebahagian/pramatang.
- 2.16 Sekiranya keuntungan telah dibayar kepada Pelanggan sebelum tarikh matang dan Pelanggan melakukan pengeluaran HLFD-i pramatang, HLISB berhak untuk menarik balik keuntungan yang dibayar dari jumlah prinsipal HLFD-i semasa pengeluaran tersebut.
- 2.17 Sekiranya Pelanggan mengeluarkan semua atau sebahagian deposit sebelum tarikh matang, Pelanggan memberi rebat kepada HLISB untuk menuntut Harga Jualan penuh.
- 2.18 Apabila membuat pengeluaran daripada akaun HLFD-i, Pelanggan mesti mengemukakan MyKad atau/dan lain identity dokumen untuk pengesahan identiti melalui pengesahan cap jari dengan menggunakan Pembaca MyKad atau alat lain yang digunakan dan diterima oleh HLISB.
- 2.19 Pengeluaran HLFD-i boleh dilakukan di dalam talian HL Connect untuk Akaun HLFD-i hanya yang dipegang oleh individu tunggal.
- 2.20 Prinsipal dan keuntungan (jika ada) yang diperoleh daripada pengeluaran HLFD-i melalui HL Connect secara automatik akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i atau Simpanan-i yang dikendalikan oleh Pelanggan dengan HLISB, seperti yang dipilih oleh Pelanggan semasa peletakan HLFD-i.
- 2.21 Permohonan Penyerahan Komoditi
  - (a) Pelanggan mempunyai hak untuk memohon dan mengambil pemilikan fizikal dan penyerahan Komoditi tertakluk kepada syarat-syarat minima dan memenuhi undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan oleh pembekal platform perdagangan komoditi.
  - (b) Permintaan bagi penyerahan Komoditi boleh dilakukan di mana-mana cawangan HLISB atau HLB pada waktu urusniaga; dan
  - (c) Pengaturan penyerahan harus dibuat antara Pelanggan bersama dengan pembekal platform perdagangan komoditi dengan kos ditanggung oleh Pelanggan.
- 2.22 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa penentuan HLISB tentang apa-apa amaun yang perlu dibayar kepada Pelanggan di bawah HLFD-i, melainkan jika berlaku kesilapan nyata, adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan. Pelanggan hendaklah menyemak semua butiran dalam makluman peletakan, makluman pembaharuan dan penyata akaun, dan dengan segera melaporkan apa-apa kesilapan yang terdapat di dalamnya kepada HLISB. Jika Pelanggan tidak membuat bantahan dalam tempoh empat belas (14) hari (atau tempoh lain yang ditetapkan oleh HLISB) selepas menerima perkara yang sama, tentang sebarang butiran di dalamnya, maka Pelanggan akan dianggap telah menerima butiran yang dibuat dalam makluman peletakan/penempatan, makluman pembaharuan dan penyata akaun sebagai betul dan melepaskan HLISB daripada semua tanggungan.
- 2.23 Pelanggan bersetuju terlebih dahulu bahawa tempoh pemegangan deposit akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh pemegangan yang sama pada tarikh matang berdasarkan kadar semasa apabila pembaharuan dibuat, melainkan jika arahan bertulis daripada Pelanggan diterima oleh HLISB sebelum tarikh matang. Pelanggan boleh melayari laman web HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) untuk menyemak kadar semasa terkini.
- 2.24 Bagi tujuan Urus Niaga Komoditi Murabahah, Pelanggan telah bersetuju untuk melantik HLISB



sebagai Ejen untuk pembelian dan penjualan menurut Terma dan Syarat ini.

- 2.25 Pelanggan bersetuju bahawa HLISB akan bertindak sebagai Ejen Pelanggan yang mutlak hanya bagi urus niaga Komoditi Murabahah. Setiap kontrak jual beli bagi Komoditi Murabahah transaksi adalah terikat dan tidak boleh ditamatkan oleh salah satu pihak yang berkontrak.
- 2.26 HLISB, sebagai Ejen Pelanggan akan menjaga kepentingan Pelanggan dengan suci hati :  
(a) semasa peletakan deposit atau apa-apa pembaharuannya,  
(b) menjalankan urus niaga untuk membeli Komoditi secara tunai ("Urus Niaga Pembelian") melalui perjanjian, sijil dan surat cara pembelian lain yang lengkap seperti yang boleh dilakukan sendiri oleh Pelanggan dan berunding dengan Pembekal bagi pihak Pelanggan berhubung dengan perkara tersebut.
- 2.27 Pelanggan dengan ini menawarkan untuk menjual Komoditi kepada HLISB setelah memiliki Komoditi secara konstruktif melalui Ejennya seperti yang dibuktikan oleh e-sijil (atau sebarang bukti pemilikan) daripada Pembekal pada Harga Jualan yang dipersetujui (kos termasuk margin) yang ditentukan semasa peletakan deposit.
- 2.28 Komoditi tersebut akan dijual dalam "keadaan sepertimana sedia ada" tanpa apa-apa representasi atau waranti berkenaan dengannya dan semasa pengeluaran perjanjian pembelian, sijil dan surat cara lain; pihak-pihak bersetuju untuk mengetepikan liabiliti penjual bagi apa-apa kecacatan pada komoditi sebelum memasuki ke dalam jual beli kontrak. Semua risiko adalah kepada pembeli dan penjual hendaklah dibebaskan daripada apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau obligasi yang berhubungan dengan Komoditi dalam apa-apa bentuk atau cara sekalipun. Apa-apa kecacatan atau kegagalan penghantaran atau mana-mana pertikaian berhubung dengan Komoditi tidak boleh dalam apa-apa cara menjaskan atau membebaskan pihak yang berkontrak kewajipan atau akuanji di bawah ini.
- 2.29 HLISB dengan ini berjanji untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan apabila memiliki Komoditi konstruktif melalui Ejen yang dibuktikan dengan e-sijil (atau apa-apa keterangan lain mengenai pemilikan) dari platform perdagangan komoditi yang dipersetujui pada Harga Jualan (kos termasuk margin) ditentukan semasa peletakan deposit.
- 2.30 Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk membayar balik HLISB atas permintaan bertulis HLISB untuk menanggung rugi HLISB terhadap:-  
(a) semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak terhadap HLISB akibat bertindak sebagai Ejen bagi Pelanggan dalam transaksi perdagangan komoditi atau  
(b) bagi mana-mana pelanggaran kewajipan Pelanggan. Perjanjian ini akan berterusan walaupun penamatan agensi HLISB.  
Pengecualian untuk sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pengingkaran, peninggalan, kecuaian, pelanggaran kontrak oleh pihak HLISB.  
Sekiranya Pelanggan bertanggungjawab oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten atas sebarang kerosakan walau apa pun yang tersebut di atas, jumlah keseluruhan liabiliti Pelanggan tidak boleh melebihi jumlah prinsipal bagi urus niaga yang terlibat yang menimbulkan tuntutan tersebut.
- 2.32 Sekiranya berlaku sebarang konflik atau percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan Terma & Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam, maka Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.

### 3. Pengecualian bagi akaun Deposit Tetap-i atas talian (eFD-i) melalui Hong Leong Connect

- 3.1 Akaun eFD-i terbuka kepada individu yang merupakan pemegang Akaun Semasa-i atau Simpanan-i ("CASA-i") dan telah mendaftar untuk Hong Leong Connect. Akaun eFD-i tidak tersedia untuk CASA-i bersama.
- 3.2 Pemilikan Tunggal, Perkongsian Tidak Diperbadankan, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan dan entiti perniagaan yang lain **tidak** layak membuka atau mengendalikan Akaun eFD-i.
- 3.3 Akaun eFD-i hanya boleh dibuka oleh Pelanggan melalui Hong Leong Connect dan Akaun eFD-i akan dipautkan kepada CASA-i di mana peletakan deposit tetap dalam talian yang pertama dibuat ("CASA Diperuntukkan").
- 3.4 Peletakan gandaan eFD-i ke dalam Akaun eFD-i adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, peletakan hanya boleh dibuat dari pukul 6.00 pagi sehingga pukul 11.55 malam melalui Hong Leong Connect, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu seperti yang ditetapkan oleh HLISB di Hong Leong Connect.
- 3.5 Peletakan eFD-i boleh dibuat dari CASA-i lain kepunyaan pelanggan dengan HLISB ("Sumber CASA-i") yang bukan CASA-i Diperuntukkan, atau melalui pemindahan dana dari bank lain melalui 'Financial Process Exchange' ("FPX").
- 3.6 Amaun deposit maksimum bagi setiap transaksi ialah Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000). Bagi peletakan melalui pemindahan FPX, amaan deposit maksimum bagi setiap transaksi ialah Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) atau had Perbankan Internet Individu Pelanggan yang diselenggara dengan bank berkenaan, mengikut mana yang lebih rendah.
- 3.7 Penempatan eFD-i boleh mengambil masa hingga dua (2) Hari Perniagaan untuk diproses. Tarikh kuat kuasa eFD-i akan bermula sebaik peletakan berjaya dibuat, seterusnya Resit Transaksi Hong Leong Connect, yang mengandungi butiran transaksi penempatan eFD-i akan dikeluarkan dan dihantar melalui emel kepada Pelanggan. Resit Transaksi Hong Leong Connect adalah bukti yang mengikat dan muktamad tentang transaksi penempatan eFD-i yang berjaya. Tiada resit deposit tetap-i akan dikeluarkan pada Pelanggan. HLISB tidak boleh dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, pembatalan, kerugian kewangan atau kerugian lain disebabkan kelewatan pemprosesan.
- 3.8 Transaksi dalam Akaun eFD-i juga akan direkodkan dalam penyata akaun bagi CASA-i Sumber.
- 3.9 Berkuatkuasa pada 12 Jun 2021 ("**Tarikh Berkuatkuasa**"), tiada lagi pengkreditan keuntungan secara interim iaitu setiap bulan atau setiap enam bulan.
  - Untuk semua eFD-i yang baharu, keuntungan akan:
    - (a) dikreditkan ke dalam Sumber CASA-i dan/atau CASA-i yang diperuntukkan hanya pada tarikh matang eFD-i tersebut; atau
    - (b) ditambah pada amaun pokok e-FD-i pada tarikh matang, sebagaimana yang dipilih oleh Pelanggan semasa peletakan eFD-i.
  - Untuk eFD-i yang dibuka sebelum Tarikh Berkuatkuasa, keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam sumber CASA-i dan/atau CASA-i pada setiap bulan atau enam bulan hingga akhir tempoh eFD-i tersebut.\*\* Sekiranya eFD-i diperbaharui, sama ada secara manual atau secara automatik pada tarikh matang, Peraturan Baharu akan terpakai.

(\*\*)Sekiranya eFD-i dikeluarkan sepenuhnya atau sebelum tempoh matang masing-masing atau tempoh minima seperti yang ditentukan oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalender, HLISB berhak untuk menolak dari



atau mendebit Akaun eFD-i Pelanggan bagi semua keuntungan bulanan atau enam bulanan termasuk tetapi tidak terhad kepada semua keuntungan yang dibayar ke atas sebahagian pengeluaran awal.)

*Ilustrasi:*

*eFD-i yang diletakkan sebelum Tarikh Berkuatkuasa untuk tempoh 12 bulan, dan matang pada 31 Ogos 2021, akan menikmati pengkreditan keuntungan setiap bulan. Setelah matang, eFD-i tersebut akan diperbaharui selama 12 bulan lagi. Keuntungan diperolehi dari eFD-i yang diperbaharui ini hanya akan dibayar pada akhir tempoh 12 bulan iaitu pada 31 Ogos 2022.*

- 3.10 Pengeluaran eFD-i hanya boleh dilakukan melalui Hong Leong Connect.
- 3.11 Apabila pengeluaran eFD-i dibuat, jumlah prinsipal dan keuntungan yang diperolehi daripadanya (jika ada) akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA-i Sumber atau CASA-i Diperuntukkan, mengikut pilihan yang dibuat oleh Pelanggan semasa membuat peletakan eFD-i.
- 3.12 Pelanggan hendaklah memilih arahan pembaharuan bagi setiap eFD-i semasa membuat peletakan melalui Hong Leong Connect.
- 3.13 Jika Ruangan “Auto Renewal” dipilih “Yes”, maka peletakan itu secara automatik akan diperbaharui bagi tempoh yang sama pada kadar keuntungan semasa pada tarikh pembaharuan eFD-i yang matang itu.
- 3.14 Jika ruangan “Auto Renewal” dipilih “No”, maka peletakan itu tidak akan diperbaharui secara automatik dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA-i Sumber atau CASA-i Diperuntukkan pada tarikh matang eFD-i berkenaan.
- 3.15 Makluman peletakan/pembaharuan boleh dilihat melalui Hong Leong Connect. Tiada makluman peletakan/pembaharuan fizikal akan dihantar kepada Pelanggan.
- 3.16 Semua eFD-i TIDAK boleh digunakan sebagai cagaran untuk menjamin apa-apa kemudahan pembiayaan/kredit diberikan kepada Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga yang lain.

**Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**